SINDBAD.

MALEISCH.


BIBLIOTHEEK KITLV
0162 8625

HIKAJAT SINBAD,

TERKARANG

pada bahasa Melajoe dengan mengikoet karangan bahasa Wolanda

OLEH

A. F. VON DE WALL.



Tertjetak dibandar Betawi, pada pertjetakan
OGILVIE & Co.

—

1876.

HIKAJAT SINBAD.

Maka Sinbad itoe hikajatnja itoe dihikajatkennjalah demikijan:

Bahwa sesoenggohnja iboe-bapa sahaja terlaloe amat kajanja, maka anaknja tijada lajin melajinken sahaja seorang. Maka kasehnja akan sahaja tijada berhingga. Maka tatkala orang toewa sahaja itoe meninggalken doenja ini, maka dapatlah sahaja harta jang amat banjaknja. Maka sahajapon bebaslah didoenja dengan harta berkijan-kijan itoe, dan orang-orang jang bersahabat dengan sahajapon tijadalah koerang adanja. Adapon sahaja tijada ingat lagi akan atoeran agama jang telah diadjarken kepada sahaja oleh iboe-bapa sahaja, dan tijadalah djoega sahaja hendak mengikoet fikiran bajik jang tijap-tijap maseh timboel didalam hati sahaja; maka peladjaran sahabat-sahabat dan goeroe-goeroe sahaja tijadalah sahaja fardloeliï sekali-kali, dan tijada djoega sahaja ingat lagi akan Allah taäla. Tijadalah lajin jang sahaja ingatken melajinken kesoekaän hati sahadja, serta tijadalah koe-

rang orang djahat, jang membangoenken nafsoe didalam hati sahaja dan mengadjar sahaja akan berboewat segala kedjahatan. Sjahadan karana sahaja moeda, máka tijadalah sahaja tjakap mendoega binasa kelakoean jang demikijan itoe. Maka serta harta sahaja hendak habis, maka kesoesahanpon datanglah menggoda sahaja, dan baharoelah sahaja ingat, bahwa harta itoe tijada boleh kekal, dan lagi badan sahaja tijada boleh tahan hidoep dengan tijada berketentoean itoe. Maka warna moeka sahajapon poetjat, dan mata koerang tjahajanja, dan tangan mendjadi lemah dan toebohpon hilang kekoewatannja. Serta sahaja melihat diri sahaja binasa demikijan itoe, maka sahajapon terlaloe amat menjesal, lagi timboel didalam hati sahaja soewatoe ingatan jang terlaloe amat djahat, ja-itoe hendak momboenoh diri. Akan tetapi koetika sahaja menjapai sendjata hendak menikam diri, maka datanglah soewatoe fikiran lajin poela, ja-itoe barangkali sahaja maseh boleh berobah dan mendjadi orang bajik-bajik poela. Maka fikiran itoe seperti soewatoe soerohan Allah taäla datang kepada sahaja, dan tangan sahaja jang soedah terangkat akan menikam diri itoepon terlempailah, seroepa hilang kekoewatannja. Maka pada sekedjap itoe djoega terkenanglah sahaja akan Allah taäla jang tijada menolak akan orang berdosa, jang mengakoe dosanja dan memohon ampoen dan rahmatnja. Kemoedijan maka hati sahajapon senanglah dan sekalijan fikiran jang tijada patoet itoe hilanglah, serta nijatpon akan berboewat bajik tetaplah djoega didalam hati Maka sahabat-sahabat sahaja jang dahoeloe bersama-sama dengan sahaja berboewat djahat itoe, maka sekalijan marika itoe sahaja lepasken, dan barang apa jang maseh ada dari pada poesaka orang toewa sahaja itoe, maka sekalijan itoe sahaja koempoelkenlah laloe sahaja mentjahari oentoeng dalam pernijagaän bersama-sama dengan orang-orang dagang pelajaran.

Kemoedijan maka pergilah sahaja kenegeri Balsora,

maka disitoe menjewalah sahaja bersama-sama dengan orang-orang dagang seboewah kapal, laloe pergilah berlajar.

Sebermoela maka terlaloelah amat sahaja melarat, sabab sahaja mabok-laoet; akan tetapi kemoedijan hilanglah penjakit itoe djoega dan badan sahajapon lama-lama segarlah poela.

Hata maka dalam pelajaran itoe singgahlah kami kepoelau-poelau hendak mendjoewal pernijagaän atau menoekarkennja dengan lajin barang-barang.

Maka pada soewatoe hari, kapal kami kematian angin dekat pada seboewah poelau. Maka poelau itoe terlaloe amat rendah, hampir-hampir sama dengan ajer dan roepanja hidjau seperti tanah padang bertoemboh roempoet. Maka nachoda kapal kami memberi idzin kepada anak boewahnja dan sakalijan orang-onang menoempang akan najik kepoelau itoe. Maka sahaja mengikoet djoega najik kedarat dengan beberapa orang, memakai sampan ketjil. Adapon serta sampai, maka kami bersoeka-soeka hatilah disitoe, bermakan minoem, maka makan-makanan dan minoem-minoeman kami membawa dari kapal. Kemoedijan tengah makan-minoem, maka poelau itoe bergojang hingga djatoh bertindeh-tindeh kami sekalijan.

Sjahadan maka serta orang dikapal melihat hal jang demikijan itoe, maka disoeroehnja kami sigera toeroen kesampan, sopaja kami djangan binasa. Adapon jang kami sangkaken poelau itoe, ja-itoe tijada lajin, melajinken seékor ikan jang terlampau besarnja. Maka kamipon masing-masing berlari-larilah toeroen kesampan, maka mana jang tijada sempat toeroen kesampan terdjoenlah kedalam laoet laloe bernang kekapal. Maka sahaja ini lagi berdiri diatas ikan itoe tatkala ija menjelam. Maka dekat pada sahaja ada sekerat kajoe jang telah kami bawa dari kapal akan memboewat api, maka sahaja tjapailah akan kajoe itoe, sopaja sahaja djangan tenggelam, dan sopaja sahaja boleh

bernang kekapal djoega. Maka sekedjap itoe djoega angin bajikpon toeroen dan nachoda kapal itoe menjoeroeh memboeka lajar laloe berlajarlah kapal itoe. Maka tinggallah sahaja terkatoeng-katoeng dengan kajoe sekerat itoe dilaoet, mendjadi seperti permajinan gelombang.

Sjahadan maka tinggallah sahaja sahari-semalam didalam ajer, dipoekoel gelombang kesana kemari. Maka pada esoknja badan sahaja terlaloe amat lemahnja, maka oleh karana itoelah maka sahaja tijada harap lagi akan boleh mendapat pertoeloengan. Maka pada koetika itoe sahaja tijada ingat akan soewatoe apa lagi, hingga sahaja ditjampakken oleh gelombang keseboewah poelau. Sjahadan maka serta sakit dan poesing moelai koerang, maka sahajapon menengoklah kekiri kekanan, hendak mengetahoei, apakah akal dalam hal jang demikijan itoe. Sebermoela maka sahaja lihat, bahwa poelau itoe daratannja tinggi; djikalau disitoe tijada ada akar-akar kajoe tergantong jang boleh dipandjat, nistjaja sahaja soesah amat memandjat tebing poelau itoe.

Kemoedijan serta sampai keatas tebing itoe, maka sahajapon djatoh terdoedoek, oleh karana lelah sahaja tijada berhingga, sabab kelaparan dan ketakoetan, dan mata sahaja terlampau mengantok; maka tidoerlah sahaja disitoe dengan njenjak seperti orang mati, maka koetika sahaja tersadar dari pada tidoer itoe, maka mataharipon soedah tinggi.

Hata maka segarlah badan sahaja rasanja sedikit, akan tetapi peroet sahaja laparnja terlaloe amat. Maka pergilah sahaja berdjalan mentjahari daon-daon atau akar-akar jang boleh dimakan orang. Maka dapatlah djoega sedikit. Maka disitoe ada djoega seboewah mata ajer, maka ajernja terlaloe amat djerenih dan sedjoeknja; maka minoemlah sahaja sedikit akan menjegarken badan. Kemoedijan sahaja berdjalan poela masoek kedarat poelau itoe, akan tetapi tijadalah tentoe kemana sahaja menoedjoe. Maka lama-lama sampailah sahaja kepada se-

boewah padang jang endah roepanja, maka disitoe ada seëkor koeda tampak akan sahaja dari djaoh, lagi makan roempoet. Maka pengharapanpon akan mendapat pertoeloengan timboellah didalam hati sahaja, akan tetapi tijada tetap, karana sahaja merasa takoet djoega; maka berdjalanlah sahaja perlahan-lahan menoedjoe kekoeda itoe. Maka serta sampai, kelihatanlah koeda itoe koeda betina, tertambat pada sebatang pantjang. Maka terlaloe amat molek bangoen badan koeda itoe; maka sementara sahaja memandang akan koeda itoe, maka kedengaran soewara orang, maka soewara itoe seperti keloewar dari dalam tanah. Maka sahajapon sangat terkedjoet, maka serta sahaja hendak lari, maka keloewar seorang orang laki-laki dari dalam seboewah goewah datang kepada sahaja, laloe bertanja hal ahwal sahaja. Maka sahaja tjeriterakenlah perdjalanan sahaja itoe. Maka roepa-roepanja, orang itoe, terlaloe kasehan akan sahaja, maka tangan sahaja dipegangnja laloe dipimpinnja sahaja kedalam goewahnja.

Maka didalam goewah itoe ada lagi orang beberapa orang, maka marika itoe sangat heiran melihat sahaja. Maka sahaja diperdjamoenja makan dan minoem dengan sepertinja. Maka tengah makan sahajapon bertanja kepada marika itoe, menanjaken apakah diboewatnja ditempat jang soenji itoe? Maka djawab marika itoe: „Kami ini patjal-patjal padoeka radja Mihras. Maka poelau ini masoek terbilang dalam djadjahan radja kami. Maka setijap tahon, waktoe ini, kami datang kemari membawa beberapa ekor koeda betina radja, oleh karana tempat ini terlaloe bajik akan memelihara koeda." Maka marika itoe berkata lagi, ja-itoe pada keesokan harinja hendak poelang dan lagi dikatakennja bahwa sahaja beroentoeng benar telah berdjoempa dengan dija; djika tijada nistjaja sahaja akan mati kelaparan, sabab negeri djaoh dari sitoe, dan lagi sahaja tijada boleh mendapat djalan kenegeri itoe, djika tijada orang jang menoendjoekkennja.

Hata maka pada esoknja berdjalanlah marika itoe poelang dengan koedanja dan sahajapon berdjalan djoega bersama-sama. Adapon serta sampai kenegeri, maka sahaja dibawa orang menghadap radja Mihras. Maka radja itoe bertanja kepada sahaja dari pada hal ahwal sahaja. Maka setelah sahaja tjeriteraken perdjalanan sahaja itoe, dari awalnja hingga achirnja, maka radja itoepon terlaloe amat kasehan akan sahaja.

Kemoedijan dari pada itoe, maka radja itoe memberi parentah kepada kawan-kawannja, akan memeliharaken sahaja, maka parentah itoe ditoeroetinjalah bagaimana jang patoet; maka kebajikan radja Mihras dan kawan-kawannja itoe tijada terhingga sahaja memoedjinja.

Adapon karana sahaja seorang berdagang, maka mentjaharilah sahaja kenal-kenalan ditempat orang berdagang dinegeri itoe. Maka sahaja harap, ja-itoe moedah-moedahan sahaja boleh mendapat chabar dari Bahdad dan berdjoempa dengan orang jang hendak akan membawa sahaja poelang. Maka dari pada hal itoe tijadalah sahaja chawatir, karana negeri radja Mihras itoe ada ditepi laoet, lagi pelabohannja terlaloe amat bagoes, maka kapal-kapal dari pada segenap negeripon masoek-keloewarlah disitoe. Maka sahaja pergi djoega mendapatken orang-orang berïlmoe dari tanah India, akan bersahabat, maka perkata-kataän marika itoe terlaloe amat menjoekaken hati sahaja. Adapon kadang-kadang sahaja pergi menghadap radja, dan lagi sahaja bersahabat dengan menteri dan hoeloebalangnja. Maka dari pada marika itoe dapatlah sahaja chabar dari pada rahasija dan kesah keradjaän Mihras itoe.

Maka pada soewatoe hari, tatkala seboewah kapal masoek kenegeri itoe, maka pergilah sahaja kekoewalanja. Adapon kapal itoe, kapal jang telah sahaja toempangi dahoeloe itoe. Kemoedijan berdjoempalah sahaja disitoe dengan nachodanja. Setelah nachoda itoe melihat akan sahaja, maka datanglah ija kepada sahaja, laloe dipe-

gangnja tangan sahaja, seraja ija memberi salamat bahwa sahaja lagi hidoep. Setelah soedah sahaja tjeriteraken kepadanja hal ahwal sahaja dari pada koetika sahaja ditinggalkennja didalam laoetan itoe hingga waktoe sahaja berdjoempa dengan dija itoe, maka barang-barang sahaja jang maseh ada dikapalnja itoe diserahkennjalah kepada sahaja. Adapon nachoda itoe terlaloe amat bajik hatinja, karana sekepèngpon tijada hendak diterimanja sewa menjimpanken barang-barang itoe.

Kemoedijan sahajapon pergi menghadap radja negeri itoe, mempersembahken ini-itoe, serba sedikit, dari pada barang-barang itoe. Maka persembahan itoe diterimalah oleh baginda dengan soeka hati, laloe dianoegrahinja akan sahaja djoega beberapa harta. Soedah itoe sahaja bermohon akan pergi berlajar. Serta soedah sahaja kirimken pernijagaän sahaja kepada sanak saudara sahaja jang terdoedoek dinegeri Bahdad, akan didjoewalkennja disitoe, maka sahajapon berlajarlah poela kenegeri lajin hendak bernijaga djoega.

Maka dengan toeloeng Allah taäla tijadalah koerang soewatoe apa didjalan. Maka kadang-kadang kapal kami singgah kesini kesitoe bernijaga. Maka pada soewatoe hari singgahlah kami keseboewah poelau, maka orang kapal kami masing-masing najik kedarat, hendak bermajin-majin bersoeka-soeka hati. Adapon poelau itoe terlaloe amat semaknja dan tijada didoedoekï manoesija. Maka kamipon berdjalan-djalanlah ditepi-tepi soengei dan dipadang-padang, masing-masing sekehendaknja, ada jang memetik boenga jang endah-endah roepanja, ada jang memetik boewah-boewahan jang masak-masak dan berdjenis-djenis roepanja. Dalam hal jang demikijan itoe, maka pergilah sahaja masoek kedarat sedikit laloe doedoek pada tepi soengei ketjil dibawah pokok kajoe jang lebat daonnja. Maka pokok kajoe itoe terlaloe amat rindangnja serta dengan sedjoek rasa badan dibawah pokok kajoe itoe. Maka sementara berangin-angin disitoe

itoe, maka sahaja makanlah bekal-bekalan sahaja. Serta soedah makan, maka ditijoep angin mengantoeklah mata sahaja laloe sahaja tertidoer.

Sjahadan seberapa lamanja sahaja tidoer itoe, melajinken Allah jang mengetahoeinja, akan tetapi koetika sahaja tersadar maka kawan-kawan jang bersama-sama dengan sahaja najik kepoelau itoe, seorangpon tijada tampak lagi akan sahaja; demikijan djoega kapal itoe. Dalam hal jang demikijan itoe, apa jang koemerasa dalam hatikoe tijadalah dapat koeseboetken. Kemoedijan maka sahajapon bangoenlah laloe melihat kesana kesini; akan tetapi soewatoepon tijada tampak akan sahaja.

Sekoetika lagi maka koelihat djoega kapal itoe, soedah djaoh berlajar, dengan angin bajik dan dengan ladjoenja, hingga sekedjap lagi kapal itoe tijada tampak lagi. Maka sahabat-sahabat jang mendengar akan tjeritera ini terlebeh makloemlah, bagaimana sangat doeka-tjita sahaja dalam hal jang demikijan itoe.

Hata maka sahaja harap djoega akan karoenija Allah soebahana wataäla, maka sahaja serahkenlah diri sahaja kepadanja. Kemoedijan dari pada itoe, maka berdjalan-djalanlah sahaja. Maka lama-lama kelihatan dari djaoh adalah barang soewatoe, ja itoe poetih roepanja. Maka berdjalanlah poela sahaja hendak mengetahoei, apakah jang poetih itoe. Serta hampir kepadanja, maka kelihatanlah, roepanja boelat seperti peloeroe. Setelah sahaja raba akan dija, maka lemboet rasanja diraba itoe. Soedah itoe berdjalanlah sahaja mengoelilingi benda itoe, hendak mengetahoei, adakah lobangnja, akan tetapi tijada sahaja melihatnja, soewatoepon tijada. Adapon dari pada litjinnja, maka tijada dapat sahaja pandjat benda itoe.

Achirnja maka haripon patang. Maka pada masa itoe sahaja melihat, bahwa langit jang seterang-terang tida itoe mendjadi gelap. Maka serta sahaja melihat keatas, maka tampaklah akan sahaja seëkor boeroeng terbang, maka besarnja boeroeng itoe tijada hingganja.

Maka terperandjatlah sahaja melihat boeroeng itoe datang menoedjoe ketempat sahaja berdiri itoe. Maka namanja boeroeng itoe, ja-itoe Rok namanja. Kemoedijan maka njatalah pada sahaja, ja-itoe benda jang poetih dan boelat seperti peloeroe jang amat besarnja itoe, tijada lajin, melajinken telor boeroeng itoe djoewa adanja.

Achirnja maka boeroeng itoepon hinggaplah ditanah laloe ditoetoepnja telor itoe dengan badannja. Jang sahaja ini, maka serta boeroeng itoe hendak menghinggap, maka sahaja sandarken badan sahaja kepada telor itoe, hingga sahaja tertoetoep djoega bersama-sama dengan telor itoe. Maka boeroeng itoe kakinja adalah seperti batang kajoe jang besar-besarnja. Dalam hal jang demikijan itoe, maka berichtijarlah sahaja akan melepasken diri sahaja dari pada bahaja itoe. Sebermoela maka sahaja ikatken badan sahaja dengan ikatpinggang sahaja kepada kaki boeroeng itoe, sopaja pada esokan harinja moedah-moedahan sahaja akan dibawanja terbang dari pada poelau jang tijada boleh didoedoeki manoesija itoe, maka apa pendapatan sahaja pada achirnja, itoepon melajinken takdir Allah sahadjalah. Maka sesoenggohnja pada keësokan harinja, setelah mata-hari terbit, maka boeroeng itoepon terbanglah. Maka boeroeng itoe tingginja terbang keatas, hingga boemi tijada tampak lagi akan sahaja. Kemoedijan maka menoendjamlah boeroeng itoe toeroen keboemi poela, dengan ledjang, sehingga peloeroe ditembakken ledjangnja. Setelah sampai ketanah, maka sahajapon mengoereiken simpoel ikatpinggang sahaja, laloe terlepaslah sahaja dari pada kaki boeroeng itoe. Maka pada sedjoeroes itoe djoega maka boeroeng itoe memagoet seëkor oelar jang terlaloe amat besarnja, laloe dibawanja terbang.

Sjahadan maka tempat boeroeng menangkap oelar itoe seboewah lembah, terlaloe amat dalamnja serta bergoenoeng sekoelilingnja. Maka goenoeng-goenoeng itoe se-

kalijannja dari pada batoe besar-besar bertimboen-timboen, maka tingginja, hingga poentjaknja sampai keawan, serta dengan tjoeramnja, hingga tijada dapat didakiï orang. Maka dalam hal jang demikijan itoe takoetkoepon tijada terkira-kira, karana soekarnja, tempat itoe, terlebeh dari pada tempat sahaja telah dibawa terbang oleh boeroeng itoe. Kemoedijan maka tampaklah akan sahaja, lembah itoe tanahnja penoh dengan intan, seperti tertaboer, serta roepanja terlaloe amat endah-endah dan lagi besar-besar. Akan tetapi harta jang tijada dapat diketahoei hargarnja itoe tijada djoega boleh menjenangken hatikoe. Maka takoetkoe terlebeh sangat serta koelihat oelar disitoe terlampau banjaknja dan besar-besarnja, melingkar-lingkar didalam lobang-lobang batoe. Adapon oelar itoe besarnja hingga gadjah boleh ditelannja boelat-boelat. Maka oelar itoe pada sijang-hari bersemboenji didalam lobang-lobang batoe itoe, oleh karana ija takoet akan moesohnja, ja-itoe boeroeng Rok itoe; akan tetapi serta hari malam ijapon keloewarlah merajap kesana kemari. Maka apa jang sahaja merasa didalam hati sahaja, koetika matahari masoek, melajinken Allah sahadja jang mengetahoeinja.

Sjahadan maka sahajapon mentjaharilah soewatoe tempat jang aman akan bermalam. Lama-lama maka dapatlah sahaja seboewah goewah laloe sahaja masoek kedalam goewah itoe, hendak bermalam disitoe. Adapon goewah itoe lobangnja ketjil dan rendah pada tanah, maka lobang itoe dapatlah sahaja toetoepken dengan batoe dari dalamnja. Soedah itoe maka doedoeklah sahaja didalam goewah itoe, makan sisa-sisa bekal-bekalan jang dahoeloe sahaja membawa dari kapal itoe. Maka pada masa itoe, oelar jang dijam ditjelah-tjelah batoe itoepon keloewarlah, bebarapa ekor banjaknja, laloe melantjar-lantjar kesana kemari, serta dengan mengeloeng-ngeloengken badannja dan menjemboer-njemboer, ada jang bermajin-majin ada jang berkelahi. Adapon sekalijan tingkah-lakoe oelar itoe tampaklah semalam-malaman sahaja lihat dari pada

tjelah-tjelah batoe goewah itoe. Akan tetapi, serta matahari terbit, maka habislah oelar itoe berhamboes, masing-masing masoek kelobangnja. Maka diberi Allah, hati sahajapon senanglah sedikit, laloe berdjalan sahaja kesana-sini, hendak mentjahari soewatoe tempat jang boleh sahaja pandjat, sopaja boleh keloewar dari tempat jang terlaloe amat soekar itoe. Akan tetapi tempat jang demikijan itoe tijadalah sahaja boleh mendapatnja, maka sekoelilingnja kaki boekit-boekit dan goenoeng-goenoeng itoe sekalijannja tinggi-tinggi serta dengan litjinnja, hingga tijada boleh didakii orang. Dalam hal jang demikijan itoe, maka hilanglah pengharapan sahaja akan mendapat djalan keloewar dari pada tempat itoe. Kemoedijan dari pada lelah sahaja dan mengantoek, sabab semalam-malaman tijada tidoer barang sekedjap maka doedoeklah sahaja ditanah melenggoet-lenggoet.

Hata maka sedjoeroes lagi. maka djatoh barang soewatoe dihadapan sahaja; maka serta sahaja mendengar boenji benda djatoh itoe, maka sahajapon terperandjatlah laloe bangoen. Maka benda jang djatoh itoe, ja-itoe daging sepotong, Maka jang adjaib koerasa dalam hatikoe, ja-itoe dari manakah datang daging itoe, dan apakah jang diperkehendak oleh jang menjampakkennja. Kemoedijan maka djatohlah lagi beberapa potong daging dari atas.

Sjahadan maka sahaja fikirkenlah hal jang adjaib itoe, hingga teringat sahaja kepada soewatoe tjeritera. Adapon boenjinja tjeritera itoe begini: Sebermoela maka adalah katanja seboewah lembah, terlaloe banjak intannja. Maka oleh karana lembah itoe tijada dapat dimasoeki orang, maka ditjampakkennjalah daging mentah kedalam lembah itoe, maka intan jang terletak ditanah itoe melekatlah kepada daging itoe. Soedah begitoe maka datanglah beberapa boeroeng radjawali menjambar daging itoe, laloe dibawanja kesarangnja, hendak diberinja makan kepada anaknja. Kemoedijan maka datanglah

orang jang telah menjampakken daging itoe bergadoh-gadoh. Maka boeroeng itoepon terkedjoetlah laloe terbang meninggalken daging jang telah dibawanja kedalam sarangnja itoe. Maka itoe sahadjalah akal orang akan mengambil intan itoe, lajin soewatoepon tijada.

Adapon tjeritera itoe memberi sahaja pengharapan, ja-itoe moedah-moedahan sahaja boleh dapat pertoeloengan. Maka sesoenggohnja, barang sijapa hendak mendjalanken akal jang sahaja fikirken pada koetika itoe, tabolehlah ija takoet. Dan lagi akal itoe hanja satoe, maka sabab itoelah taboleh memileh, maka seboleh-bolehnja hendaklah didjalanken djoega akal itoe, djika tijada hendak mati didalam lembah itoe. Maka sahajapon bersijaplah akan mengerdjaken apa jang telah sahaja fikirken itoe.

Sjahadan maka sahaja mengambil beberapa intan jang besar-besar dahoeloe, laloe sahaja isiken kedalam soewatoe soempit, bekas tempat makanan sahaja. Soedah itoe maka sahaja mengambil daging jang tersijar-sijar ditanah itoe sepotong, jang terlebeh besar, laloe sahaja ikatken dipinggang sahaja dengan selendang sahaja. Kemoedijan maka bertijaraplah sahaja ditanah. Maka sedjoeroes lagi datanglah beberapa ekor boeroeng radjawali menjambar daging itoe. Maka daging jang terikat kepada pinggang sahaja itoe disambarnja djoega laloe dibawanja sahaja terbang ketempat sarangnja, ja-itoe dipoentjak seboewah batoe jang terlaloe amat besarnja. Adapon boeroeng jang membawa sahaja terbang itoe adalah terlebeh besar dari pada kawan-kawannja; maka oleh karana itoelah moedah ija mengangkat sahaja.

Hata maka orang jang mengoempani boeroeng itoe adalah bernanti diatas goenoeng. Mada serta dilihatnja akan boeroeng jang terlebeh besar itoe membawa oempannja, maka marika itoepon bergadohlah, hingga boeroeng itoe terkedjoet laloe terbang poela meninggalken oempannja dengan sahaja. Kemoedijan maka seorang dari

pada marika itoepon memandjatlah ketempat sarang boeroeng itoe. Maka serta ija melihat akan sahaja didalam sarang boeroeng itoe, maka terperandjatlah ija, hingga tijada terkira-kira.

Kemoedijan dari pada itoe, maka marahnja, orang itoe, terlaloe amat, karana pada persangkaännja sahaja hendak mentjoeri intannja. Maka habis sahaja ditjoetjimakinja, serta sahaja hendak dipoekoelnja. Akan tetapi serta sahaja chabarken kepadanja hal ahwal sahaja, maka hilanglah marahnja. Sebermoela, maka diadjaknjalah sahaja toeroen pergi kepada kawan-kawannja. Maka toeroenlah kami berdoewa laloe berdjalan ketempatnja dijam, ja-itoe seboewah roemah. Serta sampai kesitoe, maka sahaja berilah lihat kepada marika itoe intan sahaja. Maka terlaloe amat heiran marika itoe melihat intan besar-besar dan endah-endah itoe. Maka marika itoe berkatalah, mengataken belom pernah melihat intan jang seperti itoe roepanja dan besarnja. Dan lagi katanja, seorang didalam doenja, djika radja-radja jang terlebeh kaja sekalipon, tijada menaroh intan jang demikijan itoe. Maka sahaja berkata kepada orang jang bersama-sama dengan sahaja toeroen dari pada tempat sarang boeroeng itoe, maka kata sahaja: „Djika saudara hendak, ambillah intan sahaja ini, seberapa soeka dan jang mana diperkehendak djoega." Akan tetapi tijadalah ija maoe mengambilnja, melajinken seboetir intan, itoe djoega tijada jang terlebeh besar, karana intan seboetir itoe, katanja, djika kelak didjoewalnja, tjoekoep akan kehidoepannja selama-lamanja.

Sjahadan maka bermalamlah sahaja semalam diroemah marika itoe. Maka sahaja tjeriterakenlah hal ahwal sahaja itoe, dari pada moelanja hingga koetika kami berdjoempa itoe. Serta soedah, maka sahajapon mengoetjap sjoekoer kepada Allah soebahana wataäla, dari pada hal pertoeloengannja kepada sahaja itoe. Djika tijada dengan pertoeloengan Allah, nistjaja sampailah djandji sahaja didalam lembah itoe.

Hata maka kepada keesokan harinja berdjalanlah sahaja dengan marika itoe keseboewah negeri. Maka dinegeri itoe menoempanglah kami masing-masing dalam kapal laloe berlajarlah. Maka diberi Allah, sampailah sahaja ke-Bahdad dengan salamat adanja.

Kemoedijan dari pada itoe maka doedoeklah sahaja poela dinegeri itoe, hendak bersenang-senang sedikit, hidoep dari pada harta sahaja itoe, serta sahaja memberi tsedekah kepada segala fakir dan meskin.

Sjahadan maka adalah beberapa lamanja sahaja doedoek dengan senang, koetika sahaja berhadjat poela akan berlajar.

Maka menoempanglah sahaja dalam seboewah kapal, laloe berlaijar. Sebermoela maka dengan karoenija Allah, tijadalah koerang soewatoe apa didjalan. Akan tetapi achirnja dipoekoel riboet kapal itoe; maka riboet itoe terlaloe amat besarnja, hingga kapal itoe dari kiri dari kanan dan dihadapan dan diboeritannja masoek ajer. Maka hoedjan dan goeroh dan petirpon dengan tijada berhentinja. Maka lajarpon habis kojak-kojak ditijoep angin, serta tali temberang poenah berpoetoesan dan tijang patah berlaka. Achirnja maka kemoedipon tijada memakan lagi, maka kapal itoepon ternajiklah ketas beting. Adapon kebanjakan dari pada anak boewah kapal itoe dan orang jang menoempangpon matilah didalam laloet, serta moewatan sekalijannja habis hilang. Maka sahaja ini dalam gempar itoe, dapat menjapai papan sekerat, maka dengan papan itoe bernanglah sahaja bersama-sama dengan doewa tiga orang kapal keseboewah poelau, jang tijada djaoh dari pada tempat kapal petjah itoe. Maka dipoelau itoe adalah boewah-boewahan jang boleh dimakan orang, dan ajer tawarpon ada djoega disitoe. Maka makanlah kami boewah-boewah dan minoemlah ajer setegok. Maka semalam-malaman itoe tinggallah kami ditepi laoet, akan tetapi pada esokan harinja berdjalanlah kami kedarat, hendak mengetahoeï, bagaimanakah roepa poelau itoe didaratnja.

Sjahadan maka serta beberapa djaohnja kami berdjalan itoe, maka tampaklah beberapa boewah roemah, maka berdjalanlah poela kami menoedjoe keroemah-roemah itoe. Serta sampai kesitoe, maka datanglah beberapa orang hitam mengeroeboengi kami. Kemoedijan maka kamipon ditangkapnja laloe dibawanja keroemahnja dan diberinja makan soewatoe roepa makanan jang belom pernah kami melihatnja. Akan tetapi, karana kawan-kawan sahaja itoe terlaloe amat laparnja, maka dimakannja djoegalah makanan itoe, melaijnken sahaja sahadja jang tijada memakannja, oleh sabab sahaja koerang pertjaja akan orang hitam itoe. Sekoetika lagi maka kawan-kawan sahaja itoepon lakoenja selakoe orang bingoeng, berkata-kata jang tijada berketentoean.

Dalam hal jang demikijan itoe, maka kemoedijan dari pada itoe diperdjamoenja poela kami nasi bertjampoer dengan minjak njijor. Maka dimakanlah akan makanan itoe beberapa banjaknja oleh kawan-kawan sahaja, akan tetapi sahaja makan sedjempoet sahadja. Adapon orang hitam itoe terlaloelah soeka-tjitanja melihat kawan-kawan sahaja itoe makan dengan bernafsoe itoe, karana marika itoe berhadjat, ja-itoe djika kawan-kawan sahaja itoe toebohnja soedah mendjadi gemoek, hendak disembelehnja dan dimakannja. Maka sesoenggohnja lama-lama maka kawan-kawan sahaja itoe masing-masing disembelehnja dan dimakannjalah, hingga tijada seorang lagi jang tertinggal. Jang sahaja ini, maka tijadalah demikijan djandji sahaja, karana badan sahaja makin lama semakin koeroes, sabab hati sahaja tijada senang adanja. Maka terlebeh makloem sahabat-sahabat jang membatja hikaijat ini, dalam hal demikijan itoe, badan kita tijada boleh mendjadi segar, djika kita makan minoem dengan sepertinja sekalipon.

Sjahadan maka badan sahaja seperti toelang dengan koelit sahadja, maka oleh karana itoelah sahaja tijada difardloeïï oleh marika itoe, hendak menoenggoe hingga

badan sahaja akan mendjadi gemoek. Maka bebaslah sahaja berhari-hari berdjalan-djalan kesana kemari. Dalam hal jang demikijan itoe, maka kepada soewatoe hari, koetika orang hitam itoe masing-masing pergi berdjalan-djalan, entah kemana, dan tjoema seorang orang toewa sahadja jang mendjaga sahaja, maka larilah sahaja.

Sebermoela maka adalah toedjoh hari toedjoh malam sahaja berdjalan masoek hoetan, keloewar hoetan, berkoeliling poelau itoe, tijada lajin jang menentoeken penoedjoe sahaja, melajinken bintang dilangit, ja-itoe sopaja sahaja djangan balik kombali ketempat orang djahat itoe sahadjalah; maka sesoenggohnja lajin dari pada itoe tijadalah sahaja tahoe kemana hendak pergi. Adapon makanan sahaja dalam perdjalanan itoe tijada lajin, hanjalah boewah-boewah hoetan sahadja. Maka kadang-kadang dapatlah sahaja djoega boewah njijor.

Hata maka toedjoh hari kedelapannja, maka kelihatanlah dari djaoh, adalah seboewah tempat jang didoedoeki manoesija. Maka serta sahaja berdjoempa dengan marika itoe, maka merasalah sahaja senang dalam hati, karana roepanja dan pakaiannja dan tingkah-lakoenja, marika itoe, seperti orang bajik-bajik. Adapon marika itoe koetika kami berdjoempa itoe, maka adalah tengah beroesaha dikebon-kebonnja, ja-itoe memetik boewah sahang. Maka sahang itoe terlaloe amat lebatnja disitoe. Kemoedijan dari pada itoe, serta sahaja hampir kepada marika itoe, maka terlaloelah heiran sahaja dan soeka-tjita sahajapon tijada berhingga, oleh sabab marika itoe bertjakap dengan bahasa sahaja.

Sjahadan maka sahajapon memohonlah pertoeloengan kepada marika itoe, akan melepasken sahaja dari pada behaja itoe. Adapon kemoedijan dari pada itoe, maka sahaja tjeriterakenlah hal ahwal sahaja dari pada moelanja hingga kepada masa sahaja berdjoempa dengan marika itoe. Soedah itoe maka marika itoepon berkatalah, mengataken bahwa marika itoe kenal benar-benar akan

orang koelit hitam itoe, ja-itoe bangsa jang terlampau djahatnja. Dan lagi dichabarkennja djoega, bahwa marika itoe tijada terdoedoek pada poelau itoe, melajinken datang kesitoe tijap-tijap moesim sahang toewa, hendak memetiknja.

Maka tinggallah sahaja dipoelau itoe hingga waktoe marika itoe poelang kenegerinja, karana sahaja hendak mengikoetnja ketempatnja dijam itoe. Maka serta marika itoe soedah memetik sahang itoe, maka toeroenlah bersama-sama dengan sahaja keperahoenja laloe berkajohlah kami kenegerinja. Serta sampai maka sahaja dibawanja menghadap radjanja. Maka radja itoe terlaloe amat dipoedjinja hati-boedinja dan dikasehinja. Serta sahaja menghadap radja itoe, maka dititahnja sahaja menjeriteraken hal ahwal sahaja. Adapon baginda mendengarken tjeritera sahaja itoe, roepa-roepanja dengan segala soeka hati. Setelah soedah bertjeritera itoe, maka baginda bertitah akan memberi sahaja persalinan dan memeliharaken sahaja dengan sepertinja.

Hata maka dalam hal mendjoendjoeng limpah karoenija radja jang terlaloe amat bajiknja itoe, maka loepalah sahaja akan bahaja jang telah laloe itoe, maka badan sahajapon mendjadilah segar poela. Maka sabab sahaja dikasehi radja, maka sekalijan orang didalam astananjapon memberi hormat kepada sahaja. Maka lama-lama bertjampoerlah sahaja dengan orang negeri itoe, seperti sahaja anak dinegeri itoe djoega.

Adapon jang adjaib sahaja lihat disitoe, ja-itoe orang disitoe mengandarai koeda, djika radjanja sekalipon, dengan tijada memakai pelana dan kekang. Maka sahaja bertanja kepada radja itoe, apakah sababnja maka tijada memakai perkakas itoe. Maka djawabnja, ija-itoe perkakas itoe tijada diketahoei orang dinegerinja. Maka dengan pertoeloengan seorang toekang kajoe, maka sahaja perboewatkenlah soewatoe pelana. Maka pelana itoe koelitnja sahaja boebohken boenga-boenga berdjenis-djenis

matjamnja, tertekat dengan benang mas. Maka pelana itoe roepanja terlaloe amat endahnja. Kemoedijan maka sahaja menjoeroh poela seorang toekang besi memboewat soewatoe kekang dan sepasang sanggoerdi, sebagai penoendjoek sahaja.

Hata maka serta sekalijan itoe soedah, maka sahaja pakaikenlah akan seëkor koeda radja. Maka serta baginda melihat koedanja berhijas demikijan itoe, maka terlaloe amat soeka hatinja. Maka sahajapon dikaroenijainja beberapa harta jang endah-endah roepanja dan mahal-mahal harganja, maka titah baginda, hendaklah sahaja memboewatken perkakas jang demikijan itoe bagi koeda menteri dan hoeloebalangnja djoega. Maka titah itoe sahaja djoendjoenglah, maka dikaroenijainja poela sahaja harta jang endah-endah, serta sahaja terlebeh dikasehnja.

Kemoedijan dari pada itoe maka kepada soewatoe hari, tatkala sahaja menghadap radja, maka titah baginda: „Hai Sinbad! hendaklah engkau beroemah-tangga dinegeri kita ini, sopaja engkau terdoedoek dengan tetap disini, dan djangan engkau bernijat kelak akan kombali poelang kenegerimoe. Adapon itoe dikehendaki djoega oleh orang negeri kita ini, jang kenal akan dikau."

Maka djawah sahaja: „Harap diampoen, toewankoe jang maha moelija, sembah patik kebawah doeli, mana-mana djoega jang dititahken patik djoendjoenglah, serta patik mendjoendjoeng limpah karoenija dengan sepenoh-penohnja atas mertjoe batoe kepala patik djoewa."

Kemoedijan dari pada itoe maka beroemah-tanggalah sahaja dinegeri itoe. Adalah beberapa lamanja sahaja terdoedoek dinegeri itoe dengan salamat dan senang hati, akan tetapi adalah djoega soewatoe kehendak sahaja, jang menggoda sahaja sijang dan malam, ja-itoe hendak poelang kenegeri sahaja kombali.

Hata maka lama-lama isteri sahaja kena penjakit jang terlaloe amat sangatnja, hingga tijada boleh di-

harap akan terseihat lagi dari pada penjakit itoe. Adapon dalam hal jang demikijan itoe terlaloe amat sangat sahaja chawatir, karana adalah soewatoe adat dinegeri itoe jang tijada patoet. Maka adat itoe, ja-ini, djika seorang perampoewan meninggal maka soewaminja ditanam hidoep-hidoep bersama-sama dengan isterinja itoe. Adapon pada hari orang hendak mengoeboerkennja, maka datanglah sanak-saudara dan sahabat-andainja dan orang-orang tetangganja, maka dipaikennjalah majit itoe sekalijan pakaian jang endah-endah serta dengan masintannja sebagai pada koetika ija dinikahken. Demikijanlah djoega diperboewat orang itoe akan soewami perampoewan jang meninggal itoe. Soedah itoe maka majit itoe dimasoekkennja kedalam seboewah peti laloe dibawanja bersama-sama dengan soewaminja keatas boekit jang tinggi. Kemoedijan dari pada itoe maka serta sampai keatas boekit itoe, maka diangkatnja seboewah batoe, maka kelihatanlah seboewah lobang, ja-itoe lobang goewah tempat menjimpan orang mati. Adapon goewah itoe didalamnja terlaloe amat loewasnja. Maka majit itoe dimasoekkennjalah kedalam goewah itoe. Maka soewaminja memberi salamat tinggal kepada sanak-saudara dan sahabat-andainja laloe oleh marika itoe dimasoekken akan dija kedalam seboewah peti djoega, dengan makanan dan ajer minoem, serba sedikit. Maka peti itoe dimasoekkennjalah kedalam goewah itoe dan diletakkenja berdekat-dekatan dengan peti isterinja. Kemoedijan maka lobang goewah itoe ditoepnja poela dengan batoe itoe.

Sjahadan maka isteri sahajapon meninggallah. Maka sahaja ini diperboewatlah oleh sanak-saudara dan sahabat-andainja sebagai jang terseboet itoe. Serta soedah bersedija maka dibawanjalah majit isteri sahaja itoe terisi didalam seboewah peti kegoewah itoe, diiringi oleh radja dan menteri dan hoeloebalangnja dan beberapa banjak orang lajin-lajin djoega. Adapon sahaja ini berdjalanlab dibelakang peti isteri sahaja. Maka sepandjang djalan

tijadalah lajin dalam fikiran sahaja, melajinken binasalah sahaja sekali itoe. Akan tetapi kadang-kadang adalah djoega terbit didalam hati sahaja pengharapan, moedah-moedahan radja ada kasehnja kepada sahaja memberi idzin akan mengetjoewaliken atas adat jang tijada patoet ditoeroeti orang itoe, karana sahaja orang negeri asing, lagi agama sahaja lajin djoega dari pada agama negeri radja itoe. Maka dalam hal jang demikijan itoe, maka sahaja persembahkenlah pengharapan sahaja itoe kepada radja, seraja meraoep dan menjioem kakinja. Akan tetapi, djangan kata dibenarkennja persembahan sahaja itoe, dititahnja kami berdjalan tjepat-tjepat, sopaja lekas sampai kegoewah itoe. Serta sampai maka dimasoekkennjalah majit isteri sahaja bersama-sama dengan sahaja didalam goewah itoe, laloe ditoetoepnja lobangnja dengan seboewah batoe jang terlaloe amat besar dan beratnja.

Hata maka telah marika itoe masing-masing poelang maka tempat itoepon soenjilah, maka keloewarlah sahaja dari peti sahaja. Maka didalam goewah itoe baoenja terlampau boesoek: itoepon makloemlah, tempat majit berkijan-kijan, ada jang baharoe ada jang lama. Soedah sahaja keloewar dari peti itoe, maka sahaja melihat sinar matahari sedikit masoek kedalam goewah itoe dari pada tjelah batoe penoetoepnja itoe. Maka tampaklah akan sahaja soewatoe tempat jang lapang didalam goewah itoe. Maka berdjalanlah sahaja ketempat itoe, moedah-moedahan tijadalah terlaloe amat boesoek baoenja disitoe. Serta sampai kesitoe maka rebahlah sahaja ditanah laloe menangis dengan tangis jang amat pedehnja, hingga ajer mata berlinang-linang dipipi sahaja. Dalam hal jang demikijan itoe maka tijadalah lajin dalam fikiran sahaja, melajinkan matilah dengan sangsara jang tijada berhingga. Kemoedijan dari pada itoe maka adalah beberapa hari lamanja sahaja didalam kesoekaran itoe, sijang dan malam menoenggoe waktoe

jang telah ditetapken Allah taäla atas sahaja akan poelang kerachmatnja. Adapon pada sekoetika lagi maka sahaja mendengar barang soewatoe berdjalan, seperti bajang-bajang dihadapan sahaja, seraja berboenji berbengos-bengos. Maka sahaja ikoetilah bajang-bajang itoe, akan tetapi djika sahaja dekat kepadanja, maka larilah ija berbengos-bengos. Maka sahaja ikoetilah djoega, hingga tampak akan sahaja dari djaoh seperti soewatoe bintang bertjahaja. Maka berdjalanlah poela sahaja menoedjoe jang bertjahaja itoe. Serta sampai, maka njatalah, ja-itoe jang bertjahaja itoe sinar mata-hari masoek kedalam goewah itoe dari seboewah lobang. Adapon lobang itoe sedang besarnja akan meloeloesken orang. Maka soeka-tjita sahajapon tijada dapat sahaja kataken. Kemoedijan maka serta sahaja menilik keloewar, maka tampaklah langit, maka terkenanglah sahaja akan Allah, seraja sahaja mengoetjap sjoekoer kepadanja. Soedah itoe, maka sahajapon keloewarlah, maka tertjengang-tjengang sahaja, sabab heiran sahaja melihat disitoe ada tepi laoet. Adapon jang seroepa bajang-bajang jang telah sahaja lihat tadi itoe, agaknja seëkor binatang, masoek dari pada lobang itoe kedalam goewah itoe hendak mentjahari makanan.

Sjahadan maka sesoenggohnja sahaja ditepi laoet itoe adalah djoega dalam hal kesoekaran, sabab poelau itoe sebelah sitoe terlaloe amat semaknja, dan seorang manoesijapon tijada dijam disitoe; akan tetapi adalah djoega pengharapan sahaja sedikit akan mendapat pertoeloengan. Maka berdjalanlah sahaja kesana kemari mentjahari makanan, maka dapatlah seëkor doewa tiram dan lajin-lajin makanan ditepi laoet itoe dan ajer tawar djoega. Maka bernantilah sahaja disitoe, hingga dengan karoenija Allah sahaja mendapat pertoeloengan, ja-itoe barangkali esok loesa ada perahoe melintas disitoe. Dalam hal jang demikijan itoe maka sahaja koempoelkenlah beberapa mas dan intan dan mirah dan sebagainja jang sahaja dapat mengambil didalam goewah itoe.

Kemoedijan dari pada itoe, maka pada soewatoe hari kelihatan dari djaoh, adalah seboewah kapal berlajar keloewar dari koewala negeri itoe, menoedjoe ketempat sahaja itoe. Adapon kapal itoe menjoesoer pantai, maka setelah bertentangan dengan tempat sahaja itoe, maka sahajapon berseroe sekoewat-koewat diri sahaja, serta sahaja mengawai dengan kajin poetih. Maka oleh orang kapal itoe didengarnja akan seroe sahaja itoe, atau dilihatnja akan kajin poetih pengawai itoe, wallahoe alam. Maka kapal itoepon berhentilah laloe dikirimkennja seboewah sekotji kedarat akan mengambil sahaja. Maka anak boewah sekotji itoepon bertanjalah chabar dari pada hal ahwal sahaja. Akan tetapi sahaja chawatir, maka oleh karana itoelah rahasija sahaja tijada sahaja chabarken. Maka kata sahaja: „Sahaja ini orang bernijaga telah menoempang kapal berlajar. Adapon kapal itoe dipoekoel riboet hingga petjah. Maka terboewanglah sahaja kemari, maka dengan pertoeloengan Allah, dapatlah djoega sahaja membawa pernijagaän sedikit ini." Kemoedijan maka toeroenlah sahaja bersama-sama dengan marika itoe kekapal laloe berlajar. Adapon pelajaran itoe tijada koerang soewatoe apa. Maka diberi Allah dalam beberapa hari sampailah sahaja kenegeri sahaja, ja-itoe Bahdad. Maka adalah lima tahon lamanja dari pada waktoe sahaja berangkat dari negeri itoe hingga sahaja poelang kombali itoe.

Sjahadan maka kemoedijan dari pada itoe, maka beroemah-tanggalah sahaja disitoe, bersama-sama dengan sanak-saudara sahaja. Maka harta jang telah sahaja peroleh itoe, sekalijannja tjoekoeplah bagi kehidoepan sahaja dengan marika itoe. Adapon dari pada harta itoe sahaja asingken djoega setjoekoep-tjoekoepnja bagi tsedekah kepada fakir dan meskin dan lagi bagi memboewat lajin-lajin perboewatan jang bajik-bajik djoewa adanja.
